04 May 2017
Berita Harian, Malaysia

Author: Nur Afiradina Arshad • Section: Nasional • Page: 12 • Printed Size: 765.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 26,269.00
PR value: MYR 78,807.00 • Item ID: MY0029160050

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

[FOTO MUHD ZAABA ZAKERIA/BH]

Keadaan di Pangsapuri Cheras Utama *selepas tangki air pecah.*

Serpihan pasu *selepas ditimpa air tangki pecah.*

DINDING ROBOH DIREMPUH AIR TANGKI PECAH

Penduduk harap janji baiki tangki air disegera

"Mungkin kerajaan atau pihak berwajib dapat melihat semula masalah ini dengan lebih mendalam dan mencari punca utama kenapa berlaku"

Rasulan Abd Rahman,
Penduduk

"Tekanan rendah menyebabkan bekalan hanya sampai ke tingkat tujuh hingga 12, manakala tingkat bawah penduduk terpaksa mengangkut air dari tangki statik"

Naim Ishak,
Penduduk

Penduduk Blok 2 Pangsapuri Cheras Utama minta pihak berkuasa pulih kerosakan

Oleh Nur Afiradina Arshad
bhnews@bh.com.my

Cheras

Penghuni Blok 2 Pangsapuri Cheras Utama di sini, berharap janji bantuan oleh pelbagai pihak untuk membaiki kerosakan dialami mereka, susulan kejadian tangki air pecah di bumbung perumahan itu bukan janji kosong, sebalik disegerakan.

Penduduk, Hasrul Sham, 36, berkata beberapa pihak tampil meninjau keadaan blok dan kediaman yang rosak sambil berjanji akan memperbaiki kerosakan terbabit.

Keperluan harian

"Saya berharap mereka tidak datang memberikan janji kosong sahaja kerana bekalan air adalah keperluan asas urusan harian kami. Jika gangguan berlarutan, ia mungkin menimbulkan kemarahan penduduk di sini," katanya.

Penjawat awam, Rasulan Abd Rahman, 48, berkata kejadian itu bukan setakat menimbulkan masalah kepada penghuni blok itu sahaja, sebaliknya penduduk blok berdekatan juga turut terjejas.

"Mungkin kerajaan atau pihak berwajib dapat melihat semula masalah ini dengan lebih mendalam dan mencari punca utama kenapa berlaku.

"Apa yang dapat saya katakan, masalah penyelenggaraan menjadi isu utama kerana penduduk di sini membayar sebanyak RM70 setiap bulan dan jumlah ini tidak mencukupi bagi menampung kos yang lain," katanya.

Penduduk, Arshad Hamid, 45, berharap pendedahan media mengenai masalah menimpa mereka, menarik perhatian pihak berkuasa untuk segera membaiki semua kerosakan yang dialami dalam kejadian itu.

Wakil Badan Pengurusan Bersama (JMB), Naim Ishak, berkata dua tangki statik sudah diletakkan di tingkat bawah blok berkenaan bagi menampung keperluan penduduk.

"Setakat ini JMB juga sudah berusaha menyalurkan air ke rumah penduduk menerusi pintasan paip yang dibuat tetapi berdepan tekanan rendah.

"Tekanan rendah menyebabkan bekalan hanya mampu sampai ke tingkat tujuh hingga 12 sahaja, manakala tingkat bawah hingga ke enam, penduduk terpaksa mengangkut air dari tangki statik," katanya.

Siap dalam dua minggu

Naim berkata, bekalan air ini akan diteruskan sehingga proses membaiki tangki utama siap yang dijangka mengambil masa dua minggu.

"Kita juga akan membersihkan serpihan dinding yang jatuh bertaburan dan melarang kanak-kanak bermain di taman permainan berkenaan," katanya.

Naim berkata, bagi dua tangki blok lain pula, pihaknya sudah memohon bantuan dana penyelenggaraan daripada Skim Ceria Negeri Selangor dan berharap pihak berkuasa dapat bertindak supaya tragedi itu tidak berulang.

Keratan akhbar BH
keluaran Selasa 3 Mei 2017

04 May 2017
Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 18 • Printed Size: 404.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 13,926.23
PR value: MYR 41,778.69 • Item ID: MY0029159176

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PAS tidak rugi 3 EXCO letak jawatan di Selangor

Ainul Adzellie Hasnul

Kuala Lumpur: PAS tidak rugi jika tiga EXCO Selangor daripada parti itu meletak jawatan berikutan akur dengan keputusan muktamar minggu lalu yang meluluskan usul menamatkan tahaluf siyasi dengan PKR.

Datuk Iskandar Abdul Samad, Zaidy Abdul Talib dan Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi dijangka tidak menghadapi sebarang masalah untuk akur dengan keputusan itu, malah tidak terkesan dengan sindiran 'kebuloq' oleh Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar kerana mematuhi ketetapan parti.

Mesyuarat majlis syura dalam masa terdekat

Penganalisis politik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Ainul Adzellie Hasnul, berkata keputusan muktamar itu akan dipersetujui Majlis Syura Ulama (MSU) yang dijangka mengadakan mesyuarat bagi membincangkan perkara itu dalam tempoh satu atau dua minggu ini.

Beliau berkata, tindakan EXCO PAS keluar daripada Kerajaan Selangor tidak merugikan PAS berikutan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) semakin hampir.

Katanya, PAS Selangor diketuai Iskandar selaku Pesuruhjaya PAS negeri akan akur dengan keputusan muktamar, malah Zaidy ketika berucap di muktamar sudah menyatakan kesediaan patuh dengan keputusan itu.

"Keputusan muktamar itu jelas menjadikan PAS kini pembangkang di Selangor, sekali gus menyaksikan kerajaan Pakatan Harapan (PH) memiliki 30 kerusi saja, manakala pembangkang 26 kerusi.

"Kita tunggu dan lihat apa yang akan dilakukan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali kerana apa saja boleh terjadi. Jika ada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) lompat parti, kerajaan PH akan tergugat," katanya ketika dihubungi semalam.

Sebelum ini Mahfuz meminta pimpinan PAS jangan sampai dilihat 'kebuloq' (gila) jawatan apabila memutuskan hubungan dengan PKR tetapi mahu kekal dalam Kerajaan Selangor.

Selain itu, menerusi mesej aplikasi WhatsApp yang viral semalam, bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim didakwa akan membawa empat ADUN PKR keluar parti.

Mesej itu turut mendakwa Khalid, ADUN PAS dan empat ADUN PKR akan mengadap Sultan Selangor bagi memaklumkan perkembangan itu, tetapi Iskandar menafikannya.

Perang psikologi terhadap pimpinan Azmin

Ainul Adzellie menyifatkan mesej itu sebagai perang psikologi pihak tertentu yang mahu melihat kerajaan PH pimpinan Azmin jatuh.

"Itu satu propaganda, namun dalam politik apa saja boleh berlaku. Jika benar berlaku, ia atas budi bicara Sultan Selangor untuk memberi perkenan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor dibubarkan.

"Jika diadakan pilihan raya, ia menjadi sengit kerana keputusannya akan menjadi penanda aras PRU-14. Namun, saya yakin Azmin akan mengelak ini berlaku kerana ia memberi impak negatif terhadap pentadbirannya yang baru dua tahun memimpin Kerajaan Selangor dan rakyat mungkin bosan jika diadakan pilihan raya negeri kerana terpaksa mengundi dua kali," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, keyakinan PAS membentuk kerajaan di lima negeri, selain memenangi 40 kerusi Parlimen agak sukar dicapai berikutan parti itu mempunyai sokongan lebih di kerusi luar bandar berbanding bandar.

"PAS dilihat lebih selesa menjadi kuasa ketiga dan sudah pasti pertandingan tiga penjuru tidak dapat dielakkan pada PRU-14 nanti," katanya.

***Keratan akhbar BH**, 1 Mei lalu.*

04 May 2017
Berita Harian, Malaysia

Author: Ruwaida Md Zain • Section: Sukan • Page: 46 • Printed Size: 557.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 19,127.00
PR value: MYR 57,381.00 • Item ID: MY0029159292

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

120 bas bawa penyokong ke Singapura

Rombongan ke Stadium Nasional saksi perlawanan Piala Sultan Selangor, Sabtu ini

Oleh Ruwaida Md Zain
bhsukan@bh.com.my

Shah Alam

Sebanyak 120 bas membawa penyokong bola sepak tanah air akan ke Stadium Nasional Singapura bagi menyaksikan perlawanan bola sepak Piala Sultan Selangor, pada Sabtu ini.

Pengerusi Piala Sultan Selangor, Tan Sri Abdul Karim Munisar, berkata pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan ditempatkan di setiap bas bagi keselamatan penumpang.

"Selain itu, pihak JPJ dan Jabatan Imigresen akan mengadakan perbincangan dengan wakil pihak berkuasa Singapura bagi melicinkan perjalanan bas yang membawa penyokong bola sepak Malaysia untuk menyeberang negara itu pada Jumaat dan Sabtu ini.

"Kita berharap penyokong yang mengikuti rombongan mematuhi ketepatan masa bagi memudahkan pergerakan bas mengikut peringkat yang ditetapkan.

"Jika berlaku kelewatan disebabkan beberapa penyokong, pasti mengganggu jadual perjalanan," katanya ditemui pemberita selepas menyaksikan perlawanan persahabatan pasukan Veteran Selangor dengan Pilihan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) di Padang SUK, malam kelmarin.

Tiga piala dipertandingkan

Abdul Karim berkata, sebanyak 10,000 tiket perlawanan itu sudah terjual setakat ini, namun penyokong yang belum membelinya masih boleh berbuat demikian.

"Kalau beli tiket kena beli di Selangor sebab harganya RM10 dan kalau beli di Singapura, harganya mungkin mahal.

"Malah, penyokong di Johor pun ramai yang menempah tiket daripada kita. Masih boleh dibeli pada bila-bila masa sahaja," katanya.

Beliau berkata, tiga piala dipertandingkan tahun ini iaitu pasukan bawah 16 (B-16) tahun, Veteran Selangor dan Pilihan Selangor yang diwakili PKNS FC.

"Istimewa tahun ini, diadakan Piala B-16 iaitu sekolah Selangor menentang sekolah (The Singapore Selangor School Challenge Cup). Satu pendekatan bagi merapatkan hubungan dua negara.

"Bagi Piala Pilihan Selangor, hadiah yang biasanya RM50,000 tetapi dinaikkan kepada RM80,000 tahun ini iaitu satu usaha memprestijkan piala ini," katanya.

Fakta nombor

10,000 TIKET
sudah terjual setakat ini

04 May 2017
Berita Harian, Malaysia

Author: Ruwaida Md Zain • Section: Sukan • Page: 46 • Printed Size: 557.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 19,127.00
PR value: MYR 57,381.00 • Item ID: MY0029159292

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

[FOTO OSMAN ADNAN/BH]

Abdul Karim (kanan) menyerahkan tiket *simbolik kepada Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri Selangor, Datuk Mazalan Md Noor pada majlis penyerahan tiket kepada kelab sukan SUK di Shah Alam, kelmarin.*

04 May 2017
Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Sukan • Page: 46 • Printed Size: 217.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 7,480.18
PR value: MYR 22,440.54 • Item ID: MY0029159343

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Skuad Veteran Selangor ada senjata rahsia

Kuala Lumpur: Skuad Veteran Selangor memiliki 'senjata rahsia' selepas beberapa 'muka baharu' akan kembali beraksi dalam misi mempertahankan Piala Sultan Selangor bertemu Veteran Singapura di Stadium Nasional, Singapura, Sabtu ini.

Pemain legenda The Red Giants, Khalid Ali berkata, skuad itu dijangka membariskan beberapa pemain baharu yang tidak berkesempatan menyertai mereka pada edisi lalu bagi menggantikan khidmat beberapa pemain yang tidak dapat beraksi pada tahun ini.

Sehubungan itu, semua barisan pemain skuad Veteran Selangor begitu teruja menantikan aksi terbabit memandangkan ia bakal dilangsungkan di stadium baharu yang moden dan begitu canggih.

"Beraksi di sana sedikit sebanyak menimbulkan nostalgia lama dan walaupun perseteruan sudah begitu lama, namun ia tetap dirasakan masih baharu. Itu yang membakar semangat kami untuk ke sana.

Berikan yang terbaik

"Dengan gandingan beberapa pemain baharu yang menyertai kami tahun ini, kami akan berusaha memberikan yang terbaik untuk mempertahankan kejuaraan ini," katanya ketika ditemui pada perlawanan persahabatan bertemu Pasukan Pilihan SUK, di sini, malam kelmarin.

> Beraksi di sana menimbulkan nostalgia lama, namun ia tetap dirasakan masih baharu. Itu yang membakar semangat kami untuk ke sana"
>
> ***Khalid Ali***
> *Pemain legenda Selangor*

Skuad Veteran Selangor menang tipis 4-3 yang menyaksikan mereka mensia-siakan kelebihan dua gol selepas diikat 3-3 sebelum Shahrin Majid muncul wira meledak gol kemenangan empat minit sebelum perlawanan berakhir.

Mengulas lanjut persediaan skuad itu bagi menghadapi perlawanan itu, mereka nyata membuat persiapan yang rapi dan mengadakan sesi latihan khusus dalam misi membenam cabaran skuad Veteran Singapura.

"Kita menjalani latihan setiap minggu dan sebanyak enam perlawanan persahabatan yang diharungi bagi memastikan tahap kecergasan kami sentiasa berada pada tahap terbaik," katanya.

Aksi pada Piala Sultan Selangor edisi lalu menyaksikan skuad Veteran Selangor membawa pulang kejuaraan selepas menumbangkan skuad Veteran Singapura hasil jaringan bekas pemain sayap kebangsaan, Shahrin Majid dan bekas pengendali skuad kebangsaan, Dollah Salleh.

04 May 2017
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: Roskhoirah Yahya • Section: Dlm Negeri • Page: 34 • Printed Size: 1288.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 25,690.00
PR value: MYR 77,070.00 • Item ID: MY0029161451

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

RM150,000 diperlukan baik pulih tangki pecah Pangsapuri Cheras Utama

'Tunda baiki tangki, wang tidak mencukupi'

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
kota@utusangroup.com.my

■ KUALA LUMPUR 3 MEI

PENDUDUK Pangsapuri Cheras Utama memerlukan dana sebanyak RM150,000 bagi membaik pulih kerosakan tangki air di tingkat 13 blok 2 yang pecah pada tengah malam, kelmarin.

Tinjauan *Utusan Malaysia* hari ini mendapati keadaan pekarangan perumahan bertingkat itu bagaikan dilanda 'tsunami kecil' apabila serpihan dinding dan bumbung bangunan jatuh berteraburan.

Berdasarkan pemerhatian sebahagian perabot milik penghuni turut rosak.

Utusan Malaysia difahamkan, punca tangki yang terletak di tingkat paling atas itu pecah disebabkan tekanan air yang terlalu tinggi.

Ekoran kejadian itu juga, sebanyak 116 unit rumah di bangunan itu terputus bekalan air.

Bendahari Badan Pengurusan Bersama Pangsapuri itu, Shoufi Mohd. Idris berkata, kejadian tangki pecah di bangunan itu bukan pertama kali berlaku.

AHMAD SHOUFI

Menurutnya, bagaimanapun kejadian kali kedua pada 12.30 tengah malam semalam paling buruk.

"Kerosakan tangki kali ini sangat teruk dan proses baik pulih terpaksa ditangguhkan kerana masalah kewangan.

"Kami sangat berharap ada pihak yang sudi tampil membantu penduduk menjalankan kerja-keja baik pulih," ujarnya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Tambah Shoufi, sikap segelintir penghuni yang liat untuk membayar kos penyelenggaraan rumah setiap bulan menjadi punca pihak pengurusan kekurangan dana untuk melaksanakan kerja-kerja baik pulih.

"Hanya 50 peratus penghuni perumahan bertingkat ini menunaikan tanggungjawab mereka.

"Keadaan ini benar-benar dikesali," katanya.

Sementara itu, lewat petang ini kira-kira 500 botol air mineral diagihkan oleh Syarikat Pengurusan Air Selangor kepada penghuni yang terjejas bekalan air sejak semalam.

ISU RAKYAT

TINGKAP sebuah unit paling atas pangsapuri ditutup untuk tujuan keselamatan.

SEORANG remaja menadah air di blok pangsapuri bersebelahan ekoran bekalan air terputus.

info

PANGSAPURI CHERAS UTAMA

- Tangki pecah di aras 13, Blok 2
- Melibatkan 116 unit rumah
- Dinding, bilik tangki pecah
- Anggaran kos baik pulih kira-kira RM150,000
- Bekalan air terjejas

REAKSI

TANGKI PECAH, PENGHUNI SENGSARA

KEJADIAN ini wajar dijadikan iktibar kepada segelintir penduduk. Ketiadaan dana menyebabkan kerja-kerja baik pulih sukar dilakukan.

MOHD. ROSLAN MD. ALI, 40
Penduduk

KOS baik pulih tangki amat tinggi. Diharapkan ada pihak sudi tampil membantu menyelesaikan masalah dihadapi penghuni di sini.

CHE AHMAD ZAKARIA, 40
Penduduk

SAYA kerugian kira-kira RM40,000 dalam tempoh yang singkat apabila hampir keseluruhan barangan rumah rosak teruk.

RABIATUL ADAWIYAH YAHYA, 42
Penduduk

KEADAAN dinding tangki air yang pecah di aras 13, Blok B, Pangsapuri Cheras Utama, Kuala Lumpur.

RABIATUL ADAWIYAH YAHYA (kanan) mengalihkan perabot selepas rumahnya dimasuki air akibat dinding aras 13, blok 2 Pangsapuri Cheras Utama runtuh akibat tangki air pecah malam kelmarin.

WAKIL Pengurusan Air Selangor, Amin Lin Abdullah (dua dari kanan) mengagihkan air mineral kepada penghuni Pangsapuri Cheras Utama yang terjejas bekalan air, semalam.

PEMASANGAN tali keselamatan di kawasan pekarangan pangsapuri Cheras Utama, Kuala Lumpur. - UTUSAN/FARID JANUDIN

04 May 2017
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 34 • Printed Size: 297.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 5,924.00
PR value: MYR 17,772.00 • Item ID: MY0029159404

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Lembu 'tanpa tuan' bebas di pekarangan hospital

SABAK BERNAM 3 Mei - Orang ramai di daerah ini mahu pihak berkuasa mengambil tindakan segera termasuk menyita lembu berkeliaran yang tidak diketahui status pemiliknya di kawasan persekitaran Hospital Tengku Ampuan Jemaah (HTAJ).

Rata-rata yang ditemui melahirkan rasa kurang senang dengan kehadiran sekumpulan haiwan tersebut yang dianggap hanya mencacatkan pemandangan dan menyebabkan kekotoran kawasan persekitaran.

Lebih menimbulkan rasa cemas, apabila haiwan 'tanpa tuan' itu didapati sering berkumpul di atas jalan raya pada sebelah malam sehingga boleh mengundang risiko kemalangan kepada orang ramai.

Seorang penduduk, Mohamad Zubaidi Ishak, 42, berkata, masalah berkaitan bukan perkara baharu sebaliknya sudah sampai kepada pengetahuan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB).

"Namun, masalah itu terus berulang. Kawasan hospital ini merupakan kawasan awam dan seharusnya perkara seumpama itu tidak berlaku.

"Pihak berkuasa perlu menangani perkara ini dengan lebih serius, begitu juga dengan pemilik ternakan. Pemilik perlu bertanggungjawab dengan tidak membiarkan lembu-lembu mereka berkeliaran," katanya ketika ditemui di sini.

Seorang kakitangan HTAJ, Mohd. Fadzil Ibrahim, 31, pula berkata, kehadiran sekumpulan lembu tanpa mengira siang dan malam itu turut mengganggu pengunjung dan kakitangan hospital.

Menurutnya, ini kerana haiwan tersebut bebas meragut rumput di kawasan pintu masuk serta kuarters kakitangan hospital berkenaan.

"Selain meragut rumbut, haiwan ini juga turut membuang najis di merata-rata tempat sehingga menyebabkan kekotoran dan bau busuk," katanya.

SEKUMPULAN lembu berkeliaran pada sebelah malam berhampiran pintu masuk pekarangan Hospital Tengku Ampuan Jemaah Sabak Bernam, Selangor, baru-baru ini. - UTUSAN/ MOHD. HUSSAIRY SIDEK

04 May 2017
Harian Metro, Malaysia

Author: No author available • Section: Letters • Page: 34 • Printed Size: 131.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 5,160.61
PR value: MYR 15,481.83 • Item ID: MY0029159071

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Kaunter bergerak ez-pay

Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan membuka kaunter bergerak ez-pay bulan ini untuk mengurangkan kesesakan kaunter ibu pejabat pada waktu puncak.

Kaunter bergerak ez-pay ini juga diharap dapat menggalakkan dan memberi kemudahan kepada orang awam untuk berurusan di ke kaunter bergerak berhampiran tempat tinggal mereka.

Berikut jadual kaunter EZ-PAY sepanjang Mei:

1. SS24, Taman Megah (berhampiran pasar pagi) Selasa hingga Jumaat 2/5/2017 hingga 5/5/2017, jam 10 pagi hingga 3 petang

2. PJU 10, Damansara Damai (berhampiran McDonald's dan stesen minyak Shell) Sabtu hingga Selasa 6/5/2017 hingga 9/5/2017, jam 10 pagi hingga 3 petang

3. SD 12/1 (berhampiran McDonald's dan Petron) Khamis hingga Selasa 11/5/2017 hingga 16/5/2017, jam 10 pagi hingga 3 petang

4. Apartment Flora Damansara, PJU8 (berhampiran surau) Rabu hingga Jumaat 17/5/2017 hingga 19/5/2017, jam 10 pagi hingga 3 petang

5. SS24, Taman Megah (berhampiran pasar pagi) Sabtu hingga Rabu 20/5/2017 hingga 24/5/2017, jam 10 pagi hingga 3 petang

6. PJU 10, Damansara Damai (berhampiran McDonald's dan stesen minyak Shell) Khamis hingga Rabu 25/5/2017 hingga 31/5/2017, jam 10 pagi hingga 3 petang

Diharap dengan hebahan ini akan melancarkan segala urusan dan perancangan warga Petaling Jaya. Semoga dengan adanya perkhidmatan kaunter ez-pay ini dapat memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk berurusan.

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

04 May 2017
New Straits Times, Malaysia

Author: No author available • Section: Sport • Page: 45 • Printed Size: 198.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 3,581.00
PR value: MYR 10,743.00 • Item ID: MY0029158910

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

FAS stand firm in land dispute

THE training ground issue is expected to escalate between the FA of Selangor (FAS) and the state government.

FAS want the sports complex in Section 15 in Puncak Alam to be returned to them, complaining their current state secretariat ground in Shah Alam is unsuitable as it is also opened for public use.

Former team manager Amirudin Shari told Selangorkini that the state government will not stop Selangor if they decide not to train in SUK.

"They have been allowing the 'entire town' to play and train in SUK. We will not move from SUK until they return our land in Puncak Alam. FAS deserve their own training ground and academy," FAS president Datuk Seri Subahan Kamal told *Timesport* yesterday.

"They should be more responsible and lead by example. Please give back our land. It is the only asset FAS have... we will fight it out until the end.

"We will not budge from SUK until they return our training ground in Puncak Alam.

The land for the sports complex in Puncak Alam was promised to FAS in exchange for their training ground previously located behind their headquarters in Kelana Jaya.

Former Menteri Besar Tan Sri Khalid Ibrahim agreed to hand over the land, now housing a sports complex, to FAS but things did not materialise after he was replaced by Datuk Seri Azmin Ali, who wanted to privatise the club.

Amirudin was reported as saying: "We are more than happy to take the SUK field back. FAS can leave and find another pitch.

"The state government has been letting them use it out of charity, so we have no intention of pressuring them and making drastic changes.

"If they say the pitch is in poor condition, it is because of FAS. They should maintain it. If they find it unsuitable, then the state is ready to take it back," said Amirudin.

On the Sultan of Selangor Cup, Subahan said the event organisers wrote to FAS recently that they may need players from Selangor as guest members for the PKNS selection side.

"However, they did not specify the players they wanted. We replied them accordingly. It is not an issue if the organisers want our players. If they specify the names of players, then we will refer to head coach P. Maniam over their availability and whether it will interrupt the team's schedule," Subahan added

PKNS will take on a Singapore Selection in the Sultan of Selangor Cup at the National Stadium in Kallang on Saturday. It is learnt that the organisers and PKNS have written to several teams requesting players for the match.

Ajitpal Singh

> *They have been allowing the 'entire town' to play and train in SUK. We will not move from SUK until they return our land in Puncak Alam. FAS deserve their own training ground and academy.*
>
> **DATUK SERI SUBAHAN KAMAL**
> FAS president

04 May 2017
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 12 • Printed Size: 166.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,831.58
PR value: MYR 8,494.74 • Item ID: MY0029158267

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Dedah siapa 4 Adun PKR mahu lompat

AMPANG - Ketua Umno Bahagian Sungai Besar, Datuk Seri Jamal Md Yunos dan Exco Pemuda Umno Malaysia, Datuk Armand Azha Abu Hanifah mendesak Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Azmin Ali menamakan empat ahli parlimen yang didakwanya bakal melompat parti pada PRU depan.

Jamal dan Armand Azha menegaskan, dakwaan Azmin empat pemimpin PKR bakal melompat parti hanya penipuan.

"Kami rasa Azmin menipu rakyat Selangor. Kita tahu beliau juga telah mengutarakan perkara ini pertama kali pada zaman Tan Sri Khalid Ibrahim (menjadi menteri besar sebelumnya) namun akhirnya tidak ada," katanya.

Armand Azha, yang juga Timbalan Presiden Giat Mara Malaysia berkata, dakwaan tersebut hanya satu permainan politik, bagi menutup kelemahan atau salah guna kuasa dan isu rasuah yang mengaitkan seorang pemimpin muda PKR.

"Bagi saya sepatutnya PKR melihat perkara ini secara serius bukannya mengalih perhatian dalam isu tersebut," katanya yang ditemui selepas prosiding sebutan kes Jamal dan sembilan lagi di Mahkamah Ampang, semalam.

Sehubungan itu, beliau menuntut Azmin membuat kenyataan secara rasmi dengan mendedahkan siapa individu yang dimaksudkan itu.

Jika tidak, katanya, Azmin dianggap menipu rakyat dan perlu minta maaf secara terbuka.

"Namakan siapa. Adakah dia sendiri dan tiga yang lain? Mungkin beliau memang bercita-cita untuk masuk Umno atau BN," katanya.

Beliau mahu tahu adakah Azmin tidak percaya kepada kepimpinan PKR, atau ada keretakan dalam parti itu.

Foto : SHARIFUDIN ABDUL RAHIM

Jamal bercakap pada media ketika hadir ke mahkamah, semalam.

04 May 2017
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 15 • Printed Size: 294.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 5,014.96
PR value: MYR 15,044.88 • Item ID: MY0029158269

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Dun Selangor: PKR, Pas tergugat

PKR dan Pas Selangor pastinya akan terus berada dalam kedudukan tertekan jika kedua-dua parti itu bertembung sesama sendiri PRU akan datang.

Pengurus Penyelidikan Merdeka Centre, Tan Seng Keat berpendapat, apabila Muktamar Pas ke-63 baru-baru ini meluluskan usul supaya tahaluf siyasi dengan PKR diputuskan, sudah jelas hubungan antara kedua-dua parti itu menjadi lebih tegang sekali gus menyebabkan kerajaan negeri Selangor goyah.

"Jika PKR dengan Pas memutus hubungan, ia bukan sahaja merugikan kedua-dua pihak, malahan turut menjejaskan Bersatu untuk memenangi beberapa kerusi di Selangor," katanya kepada ***Oriental Daily.***

Menurut beliau, dengan pertembungan tiga penjuru, selain kerusi Dun, ia turut membabitkan kerusi Parlimen di Selangor.

"Adalah diramalkan lebih separuh kerusi parlimen milik PKR akan terjejas. Parti itu sukar mempertahankan kerusi mereka sama ada Dun ataupun parlimen dalam PRU kali ini," katanya.

Seorang lagi penganalisis politik, Lim Hong Siang pula berkata, kedudukan PKR di Selangor tidak syak lagi boleh tergugat kerana pengaruh Pas di negeri itu tetap tidak boleh dipandang ringan.

"Sekiranya Pas meletak calonnya di semua kerusi yang ditandingi oleh PKR, tentu sekali sokongan yang diberikan kepada calon PKR sebelum ini sedikit sebanyak akan beralih kepada calon Pas.

"Selain itu, perpecahan dalaman yang berlaku dalam PKR turut dikatakan akan menyebabkan Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan Timbalan Presidennya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali terjejas.

"Difahamkan Azmin masih memerlukan Pas sedangkan kajian simulasi yang dilakukan Invoke di bawah kendalian Naib Presiden PKR, Rafizi Ramli menunjukkan mendapati Pas tidak akan menang satu kerusi parlimen pun dalam PRU14 sekiranya berlaku pertandingan tiga penjuru. Inilah konflik yang wujud dalam PKR ketika ini," kata Hong Siang.

Masyarakat Cina ikut perkembangan Pas

MCA mengakui masyarakat Cina sedang mengikuti serius perkembangan politik membabitkan Pas terutama sekali meluluskan usul supaya memutuskan hubungan kerjasama dengan PKR dalam muktamar parti itu baru-baru ini.

Presiden MCA, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, hasrat sama ada Pas ingin bekerjasama dengan Umno atau tidak kini jadi isu yang diperhatikan masyarakat Cina.

"Walaupun apa yang akan berlaku nanti, MCA tetap menaruh keyakinan bahawa BN masih mengamalkan semangat consensus," kata Tiong Lai seperti yang disiarkan dalam ***Sin Chew Daily.***

Menurutnya, Ahli Jawatankuasa Kerja MCA turut mengkaji dengan serius perkembangan politik semasa selepas berakhirnya muktamar Pas.

"MCA mendapat tahu RUU355 yang dibawa Pas telah menerima sokongan yang kuat daripada umat Islam di seluruh negara.

"Selain itu, MCA turut memerhatikan usaha dirancang Pas untuk menawan lima negeri dalam PRU akan datang sekali gus melaksanakan pindaan pelbagai enakmen undang-undang syariah lain sekiranya Pas berkuasa seperti yang dikatakan oleh bekas Ketua Pemudanya, Nik Abduh Nik Abdul Aziz," kata presiden MCA itu.

Harap lawatan PM ke China berjaya

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang akan mengadakan lawatan ke China minggu depan diharap dapat terus menarik lebih banyak syarikat China untuk melabur di negara kita.

Presiden Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (Hua Zong), Tan Sri Pheng Yin Huah berkata, dengan kedatangan lebih ramai pelabur dari China, sudah tentu kegiatan ekonomi di negara kita terus berkembang pesat.

"Lawatan perdana menteri ke China pada 14 dan 15 April ini adalah lawatan kali ke lapan ke negara itu sejak beliau menjadi perdana menteri. Najib adalah antara semua perdana menteri Malaysia yang paling kerap melawat China serta mempunyai hubungan akrab dengan pemimpin China," katanya kepada *China Press.*

Difahamkan, lawatan Najib ke Beijing selama dua hari itu adalah bertujuan untuk menghadiri 'Forum Belt And Road' dan akan mengadakan rundingan dengan ketua kerajaan China dan beberapa pemimpin dunia lain.

Menurut Yin Huah, lawatan Najib walaupun nampaknya singkat, tetapi mempunyai erti besar dalam usaha jalin hubungan perdagangan antara bangsa dengan dunia luar.

04 May 2017
Sinar Harian, Malaysia

Author: Marlia Zakaria • Section: Selangor & KL • Page: 35 • Printed Size: 161.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,746.29
PR value: MYR 8,238.87 • Item ID: MY0029158274

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PKR Selangor susun strategi

Persediaan tunggu keputusan Majlis Syura Pas berkaitan tahaluf siyasi

MARLIA ZAKARIA

SHAH ALAM - PKR Selangor telah menyusun beberapa strategi sementara menunggu keputusan Majlis Syura Pas diumumkan.

Ketua Penerangan PKR Selangor, Shuhaimi Shafiei berkata, sehingga kini, PKR dan Pas Selangor masih terikat dengan tahaluf siyasi sedia ada dan akan terus melaksanakan tanggungjawab selaras dengan mandat rakyat.

"Kami tidak akan menunggu begitu sahaja. Beberapa strategi ampuh telah di susun namun matlamat satu lawan satu akan terus di pertahan.

"Kami hanya akan memberi komen lanjut selepas keputusan muktamat itu di buat. Sehingga itu, kami di Selangor masih terikat dengan tahalul siyasi sedia ada dan akan terus melaksanakan tanggungjawab," katanya.

Tambahnya, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali sudah mempunyai formula untuk terus terajui Selangor dan akan diumumkan kelak.

"Formula pengukuhan Pakatan dan ramuan bagi terus menerajui Selangor ada di dalam tangan menteri besar dan percaturan melawan Umno-BN dan menamatkan penguasaan mereka di Putrajaya sentiasa di beri keutamaan.

"Kami tidak akan biar Umno-BN memecah-belah Pakatan begitu sahaja. Kami akan umumkan bila tiba masanya," katanya.

Tegasnya, semua Adun Pas, PKR, DAP dan Amanah di Selangor terus bekerja seperti biasa dengan menolak propaganda.

"Kepada pihak yang suka membuat propaganda murahan kononnya akan berlaku perubahan dalam kerajaan negeri boleh terus berkhayal sedemikian.

"Hakikatnya, semua Adun Pas, PKR, DAP dan Amanah di Selangor terus bekerja seperti biasa," katanya.

SHUHAIMI

04 May 2017
Sinar Harian, Malaysia

Author: Marlia Zakaria • Section: Selangor & KL • Page: 36 • Printed Size: 207.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 3,530.94
PR value: MYR 10,592.82 • Item ID: MY0029158053

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

MCA tak layak beri komen

Pas minta parti komponen BN itu jaga urusan sendiri

MARLIA ZAKARIA

SHAH ALAM - MCA digesa supaya tidak mencampuri urusan kerajaan negeri membabitkan usul Pas untuk memutuskan hubungan tahaluf siyasi dengan PKR.

Bendahari Pas Selangor, Zaidy Abdul Talib berkata, MCA tidak layak untuk memberikan sebarang komen tentangnya.

ZAIDY

"MCA tidak layak untuk komen. 'Mind their own business'," katanya ringkas kepada Sinar Harian melalui aplikasi Whatsapp, semalam.

Kelmarin, Presiden MCA, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, hasrat Pas untuk memutuskan hubungan tahaluf siyasi dengan PKR dipercayai akan menyebabkan krisis pertukaran Menteri Besar Selangor dua tahun lalu bakal berulang.

Katanya, jika berlaku krisis dalam kerajaan Selangor, ia memang dijangka kerana antara parti komponen dalam Pakatan Harapan masih membawa hala tuju masing-masing.

Pada masa sama, beliau turut memaklumkan bahawa partinya tidak menghadapi masalah calon kerana dari dulu lagi calon-calon yang berpotensi sudah dikenal pasti dengan kerap turun padang bersama rakyat di kawasan masing-masing.

Zaidy ketika mengulas apakah Pas Selangor tergugat dengan kenyataan tersebut, beliau menegaskan tidak sama sekali.

"Sedikit pun tidak tergugat kerana Pas sudah lama besedia utk PRU14 (Pilihan Raya Umum ke-14)," katanya.

Sementara itu, Adun Paya Jaras, Mohd Khairuddin Othman menyifatkan isu tahaluf siyasi dan menteri besar adalah dua perkara cukup berbeza.

"Isu tahaluf siyasi adalah berkaitan antara parti, sementara menteri besar adalah isu kerajaan. DAP pernah isytihar keluar dari Pakatan Rakyat tapi kedudukan menteri besar tidak berubah.

"Sama ada menteri besar akan bertukar atau tidak bergantung kepada bilangan sokongan Adun-Adun dan Tuanku Sultan Selangor," katanya yang turut menegaskan bahawa kedudukan MCA di Selangor langsung tidak memberi kesan kepada kekuatan atau kerusi Pas.

04 May 2017
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Selangor & KL • Page: 36
Printed Size: 108.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white
Ad Value: MYR 1,063.38 • PR value: MYR 3,190.14 • Item ID: MY0029158277

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Krisis tukar MB bakal berulang tidak berasas

SABAK BERNAM - Setiausaha Publisiti DAP Selangor, Ng Suee Lim membidas kenyataan Presiden MCA, Datuk Seri Liow Tiong Lai yang mendakwa tindakan Pas memutuskan hubungan tahaluf siyasi dengan PKR menyebabkan krisis pertukaran menteri besar Selangor dua tahun lalu bakal berulang.

Suee Lim berkata, kenyataan Tiong Lai itu disifatkannya sebagai tidak berasas kerana kerajaan Selangor yang ada pada masa sekarang adalah sebuah kerajaan yang kukuh dan stabil.

"Walaupun hubungan di antara PKR dan Pas agak tegang sejak kebelakangan ini, namun saya tetap yakin kerajaan negeri masih mempunyai bilangan majoriti yang mencukupi untuk meneruskan kesinambungan mentadbir negeri ini dengan baik," katanya ketika dihubungi Sinar Harian, semalam.

Ditanya kesediaan MCA yang mempunyai senarai calon yang lengkap untuk hadapi PRU-14 di Selangor, Suee Lim yang juga Adun Sekinchan berkata, rakyat lebih bijak menilai sejauh mana prestasi MCA sejak 60 tahun lalu berbanding DAP yang lebih mengutamakan rakyat.

"DAP sentiasa bersedia dan bekerja kuat memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk meyakinkan rakyat," katanya.

Beliau menjelaskan, rakyat mempunyai kebijaksanaan untuk menilai DAP yang berjaya menjadi sebuah kerajaan yang sederhana, terbuka dan menjaga semua pihak serta mempertahankan hak semua agama.

"Ini dapat memberi nilai tambah kepada DAP untuk meraih sokongan tambahan dalam pilihan raya akan datang.

"Dalam keadaan MCA dilihat masih lagi gagal mempamerkan prestasinya iaitu bagaimana mereka ingin meyakinkan rakyat terutama masyarakat Cina tentang perjuangan mereka untuk memberi dan mendapatkan peruntukan tahunan kepada sekolah-sekolah Cina," katanya

04 May 2017
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Selangor & KL • Page: 37
Printed Size: 191.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 3,258.00 • PR value: MYR 9,774.00 • Item ID: MY0029158004

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

MPS terima anugerah Majikan Prihatin 2017

SELAYANG - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dianugerahkan Majikan Prihatin peringkat kebangsaan pada Sambutan Hari Pekerja Cuepacs 2017 semalam.

Dalam majlis yang diadakan di Auditorium Kompleks Islam Putrajaya itu MPS disenaraikan dalam kategori Badan Berkanun dan pihak berkuasa tempatan.

Pengarah Korporat MPS, Mohamad Zin Masoad berkata, MPS diketuai Yang Dipertua, Suliman Abd Rahman telah menyediakan pelbagai kemudahan bagi memastikan kebajikan dan keselesaan kakitangan.

Menurutnya, pihaknya yakin keprihatinan pengurusan terhadap kakitangan mampu meningkatkan kualiti dan mutu perkhidmatan.

"MPS telah memastikan semua staf menjadi ahli Kesatuan Kebangsaan Pekerja Penguasa Tempatan Semenanjung Malaysia kerana yakin melaluinya kebajikan dan kepentingan hak pekerja dapat diperjuangkan.

"MPS juga telah menetapkan ganjaran kepada staf yang mencapai sasaran kerja sama ada individu, kumpulan atau jabatan," katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Beliau berkata, MPS juga turut mementingkan kebajikan kakitangan melalui program bersesuaian termasuk mengedar jaket keselamatan kepada yang menunggang motosikal, memberi bekas makanan dan bantuan RM300 untuk cermin mata staf dan tanggungannya.

